

9) CADANGAN PEMBINAAN PERUMAHAN SELANGORKU DI DALAM KAWASAN HULU LANGAT

Adun : Y.B. Datuk Wira Johan Bin Abd Aziz (Dusun Tua)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan :

- a) Adakah perancangan pembinaan perumahan Selangorku di kawasan dinyatakan terutama dalam Dun Dusun Tua?

Untuk makluman Yang Berhormat, Sehingga 1 April 2025, terdapat **103 projek** dengan **56,050 unit** RSKU telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di seluruh Daerah Hulu Langat yang mana DUN Dusun Tua terletak di dalamnya. Daripada jumlah tersebut, **satu (1) projek** dengan **68 unit** Rumah Selangorku (RSKU) telah siap dibina di kawasan Dun Dusun Tua.

Kerajaan Negeri amat prihatin dan komited dalam penyediaan perumahan mampu milik kepada golongan M40 ke bawah sama ada melalui pemilikan di bawah program Rumah Selangorku.

Dari segi perancangan Rumah Selangorku melalui Dasar Perumahan (Dasar Rumah Selangorku 3.0), pihak pemaju / pemilik tanah yang berhasrat membangunkan perumahan akan dikenakan syarat untuk membina Rumah Selangorku berdasarkan kepada keluasan pembangunan dan ianya mengikut Zon / kawasan pembangunan. Untuk kawasan Hulu Langat, ianya terletak di dalam Zon 2 dan Zon 3 pembangunan yang mana tapak pembangunan 5 ekar hingga 10 ekar dikenakan syarat 15% - 20% Rumah Selangorku, 10 ekar hingga 20 ekar 30% Rumah Selangorku, 20 ekar hingga 50 ekar 30% - 40% Rumah Selangorku dan 50 ekar ke atas 40% Rumah Selangorku.

Harga jualan Rumah Selangorku 3.0 ini bermula dari RM114,750.00 hingga RM250,000.00 seunit dengan keluasan binaan dari 450 kaki persegi hingga 900 kaki persegi yang terdiri daripada jenis perumahan bertingkat dan bertanah.

Oleh itu, sekiranya terdapat cadangan pembangunan perumahan yang dikemukakan oleh pihak pemaju / pemilik tanah adalah menjadi keutamaan /

tanggungjawab pihak LPHS untuk memastikan komposisi/ syarat pembangunan Rumah Selangorku tersebut dipatuhi berdasarkan Dasar Rumah Selangorku 3.0 bagi memastikan Rumah Selangorku berada di pasaran sekaligus boleh ditawarkan kepada pembeli yang layak termasuk golongan B40.

- b) Nyatakan berapakah jumlah pembinaan perumahan Selangorku yang telah dibina sepanjang tahun 2025 hingga 2026.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh tahun 2025 sehingga 1 April 2026, secara keseluruhannya sebanyak **6 projek** dengan **2,830 unit** Rumah Selangorku telah siap dibina dan **16 projek** dengan **9,600 unit** Rumah Selangorku masih di dalam peringkat pembinaan di Daerah Hulu Langat.

Disediakan Oleh :
(MOHD HAFIZ BIN HASSAN) A.M.S.
Timbalan Pengarah Eksekutif
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor

Tarikh : April 2026

Disemak Oleh :
(DATO' TPr Dr JUHARI BIN AHMAD)
D.I.M.P., A.M.N., S.I.S., A.M.S.
Pengarah Eksekutif
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor

Tarikh : April 2026

Disahkan Oleh :
(YB DATUK BORHAN BIN AMAN SHAH)
D.M.S.M., P.J.K.
EXCO Perumahan Dan Kebudayaan
Jawatankuasa Tetap Perumahan Dan
Pembangunan Bandar Lestari

Tarikh : April 2026